

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT: DSA EXHIBITION AND CONFERENCE

PUBLICATION: BHARIAN.COM.MY **SECTION:** NASIONAL

DATE: THURSDAY, 28 MARCH 2018 **PAGE NO.:** 1 OF 2

HEADLINE:: TCM INNOVATIONS SYARIKAT MALAYSIA PERTAMA BEKAL CMS KEPADA TLDM

URL: <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2019/03/546241/tcm-innovations-syarikat-malaysia-pertama-bekal-cms-kepada-tldm>

Khamis, 28 March 2019 - 1:03PM

BH ONLINE [YouTube](#) [Twitter](#) [Instagram](#) [Facebook](#) [RSS](#)

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU **BHPLUS** [LOG MASUK](#) [SEMUA SEKSYEN](#)

BERITA » Nasional Cari Kata Kunci

Khamis, 28 March 2019 | 12:29pm



Menteri Pertahanan Mohamad Sabu ketika gimik pelancaran Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Antarabangsa Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2020 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) hari ini. - Foto BERNAMA.

TCM Innovations syarikat Malaysia pertama bekal CMS kepada TLDM

Oleh M Hifzuddin Ikhsan; Hazwan Faizal Mohamad dan Hamzah Osman
bhbiz@bh.com.my

LANGKAWI: TCM Innovations Sdn Bhd, anak syarikat T7 Global Bhd, menjadi syarikat Malaysia pertama membekalkan sistem pengurusan tempur (CMS) kepada kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

TCM Innovations ialah syarikat usahasama di antara T7 Marine Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh T7 Global Bhd dengan Marine Crest Technology Sdn Bhd (MCT) dan C2C-DB Systems Pvt Limited, syarikat dari India.

Pengerusi T7 Global, Datuk Seri Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani, berkata CMS itu kini sedang dipasang di kapal KD Jebat milik TLDM yang dijangka siap pada tahun ini.

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	BHARIAN.COM.MY	SECTION:	NASIONAL
DATE:	THURSDAY, 28 MARCH 2018	PAGE NO.:	2 OF 2
HEADLINE::	TCM INNOVATIONS SYARIKAT MALAYSIA PERTAMA BEKAL CMS KEPADA TLDM		
URL:	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2019/03/546241/tcm-innovations-syarikat-malaysia-pertama-bekal-cms-kepada-tldm		

Katanya, pemasangan CMS itu berupaya untuk meyeperadikan sensor dan senjata di atas kapal KD Jebat bagi menggantikan sistem sedia ada yang sudah digunapakai selama 25 tahun.

"Kami telah memenangi tender antarabangsa dari Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd pada awal tahun lalu menerusi MCT untuk membekal dan memasang CMS ini di KD Jebat.

"Ini adalah kali pertama syarikat tempatan diberi peluang memasang sistem pertempuran ini di kapal perang negara. Sebelum ini, sistem yang digunapakai adalah kepunyaan negara asing. Kita menjangkakan, proses pemasangan sistem ini dapat disiapkan pada tahun ini termasuk fasa ujian dan percubaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui kumpulan akhbar NSTP selepas majlis menandatangani perjanjian pemegang saham di antara T7 Marine, MCT dan C2C-DB Systems di sini, hari ini.

Upacara itu disaksikan oleh Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu.

Menerusi perjanjian itu, T7 Marine akan menjadi pemegang saham majoriti dengan 40 peratus kepentingan dalam TCM Innovations, manakala MCT dan C2C-DB masing-masing 30 peratus.

Mengulas lanjut, Nik Norzrul Thani berkata, kelebihan yang ditawarkan CMS ialah ia mampu menawarkan penjimatan kewangan yang tinggi kepada kerajaan berbanding sistem dari negara luar.

"Ini sekali gus mengelakkan berlakunya aliran keluar dana dari Malaysia. Selain itu, ia juga menawarkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat tempatan di kemudahan kami di Balakong, Selangor.

"Sistem ini bukan sahaja boleh dipasang di kapal perang TLDM, tetapi juga sesuai untuk digunakan di kapal milik agensi penguatkuasaan lain dan juga untuk kapal persendirian," katanya.

Dalam majlis sama, T7 Aero Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh T7 Global memeterai perjanjian kerjasama dengan Beijing Aerospace Yilian Science & Technology Development Co Ltd bagi membentuk kerjasama strategik.

Mengulas mengenainya, Nik Norzrul Thani berkata, T7 Aero dilantik sebagai pengedar eksklusif di Malaysia bagi membekalkan produk peralatan ketenteraan, dron dan satelit.

"Perjanjian ini dimeterai untuk tempoh tiga tahun," katanya.